

## info

## 'Mobile Intravenous Drip' (MIV)

→ Kos penyelidikan MIV: RM2,000

→ Harga anggaran selepas pengkomersialan MIV: RM15 hingga RM20 seunit Pencapaian MIV:

→ Anugerah Emas pada Pameran Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2016

→ Anugerah Emas dan Al-Khawarizmi pada Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) 2015

→ Sejarah teknologi intravena bermula daripada kajian mengenai rawatan taun pada tahun 1831 oleh Dr Thomas Latta dari Leith, Scotland.

→ Terapi intravena dimajukan pada tahun 1930 oleh Hirschfeld, Hyman dan Wanger tetapi penggunaannya tidak meluas hingga tahun 1950-an.

→ Terapi intravena bermaksud memasukkan cairan ubat ke dalam tubuh pesakit melalui saluran darah.

# MIV memudahkan pesakit bergerak

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**ekumpulan penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencipta inovasi mudah alih dinamakan 'Mobile Intravenous Drip' (MIV) bagi mengatasi masalah pesakit sukar bergerak apabila dipasangkan sambungan intravena.

Pensyarah dan penyelia projek itu, Prof Madya Dr Ahmad Najib Azmi, berkata MIV dilengkapi tali

lilitan panjang, cangkuk serta kepala kekunci pada setiap hujungnya untuk pesakit membawa set intravena, malah boleh dipasang sendiri.

Katanya, fokus utama inovasi itu ialah aspek mobiliti pesakit supaya mudah bergerak, dan beberapa prototaip sudah dihasilkan serta diuji bagi memastikan keberkesanan produk lilitan khas berkenaan.


Beliau berkata, pihaknya turut mencuba prototaip itu pada beberapa pesakit, sekali gus mendapatkan maklum balas untuk penambahbaikan.

### Kajian lanjut

"Kajian lanjut pada skala lebih besar, terutama dari aspek kepuasan pesakit, akan dijalankan dalam masa terdekat bagi menambah baik produk ini.

"Cabaran utama menghasilkan MIV ialah mendapatkan material yang benar-benar sesuai dan tahan lasak supaya kukuh serta tahan lama," katanya.

Selain Dr Ahmad Najib, penghasilan MIV turut dijayakan oleh seorang lagi pensyarah dan penyelia, Dr Azlina Mokhtar, bersama-sama kumpulan pelajar



Perincian bahagian pada MIV.

dibarisi Muhammad Akmal Sallahuddin selaku ketua, Hazwan Syahmi Hashim, Ummiyahtun A Rahman, Nurul Saprina Rosli serta Fathiyyah Faizol Fadzli.

Mengulas lanjut, Dr Ahmad Najib berkata, ilham menghasilkan MIV timbul apabila Fakulti Perubatan

dan Sains Kesihatan USIM mengadakan pertandingan inovasi pada tahun lalu bagi mencungkil minat, bakat serta idea dalam bidang reka cipta.

Berikutan pensyarah menjadi penyelia kepada kumpulan pelajar yang mengambil bahagian dan bertugas di hospital, katanya, produk ingin dihasilkan mesti dapat membantu pesakit di wad.

### Tanpa tiang

Ketika itu, beliau berkata, ramai pesakit denggi menerima rawatan di hospital dengan diberikan titisan intravena, sekali gus menyasarkan pergerakan paling terkesan daripada pemasangan peralatan terbahit ialah sewaktu ke tandas dan solat bagi mereka yang beragama Islam.

**Ahli kumpulan penyelidik MIV (dari kiri) Muhammad Akmal, Hazwan Syahmi, Dr Ahmad Najib, Dr Azlina, Ummiyahtun, Nurul Saprina dan Fathiyyah.**

